

Newspaper

Berita Harian

Date

13 March 2016

Keputusan tamat khidmat Tun M wajar

Serdang: Penamatan khidmat Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Penasihat Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) adalah wajar kerana beliau bersekongkol dengan pembangkang untuk menjatuhkan kerajaan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata jawatan berkenaan biasanya dibekirkan kepada mereka yang bersama kerajaan.

"Dr Mahathir kini bukan hanya bersama pembangkang tetapi jelas berusaha untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih rakyat. Jadi, sepatutnya beliau digugurkan (Penasihat PETRONAS)," katanya selepas program larian amal an-

jurkan Laboratori Penyelidikan Kanser Universiti Putra Malaysia (UPM)-Majlis Kanser Nasional (MAKNA), di sini, semalam.

Menteri Kesehatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata kesepakatan kabinet itu dibuat selepas Dr Mahathir beralih arah dan bersekongkol dengan pembangkang untuk menjatuhkan kerajaan.

Bidang kuasa Perdana Menteri
"Pelantikan itu (Dr Mahathir sebagai Penasihat PETRONAS) dibuat ketika beliau menjadi sebahagian daripada ahli kerajaan. Justeru, ia adalah bidang kuasa Perdana Menteri untuk melantik mana-mana pemimpin untuk

menggalas tanggungjawab berkenaan, selain menyokong segala agenda pembangunan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Perdagangan dan Kongres Kolej Perigian Antarabangsa (ICD) Asia Pasifik 2016, di sini, semalam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim, berkata beliau percaya keputusan itu sesuatu yang sukar tetapi ia perlu dilakukan bagi memastikan organisasi terbabit akan terus dapat diperkasakan pada masa depan.

"Saya berharap isu ini tidak akan berpanjangan kerana usaha untuk memantapkan organisasi

ini terutama dalam menghadapi suasana ekonomi khususnya berkaitan aktiviti perniagaan PETRONAS itu adalah lebih mustahak," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Muar di Bangunan UMNO Muar di sini, semalam.

Keputusan wajar

Sementara itu, Pengerusi Majlis Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), Tan Sri Shahrir Abd Samad, berkata beliau berpendapat keputusan berkenaan adalah wajar dan bukan sesuatu yang mengejutkan.

Katanya, keputusan itu juga memberi faedah kepada kedua-dua pihak (Dr Mahathir dan kerajaan).

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yang juga bekas Pengasas PETRONAS menyifatkan perlucutan jawatan itu bukan perkara baharu kerana Dr Mahathir sudah lama ingin melepaskan jawatan itu.

Ditanya desas-desus beliau bakal dilantik sebagai Penasihat PETRONAS bagi menggantikan Dr Mahathir, Tengku Razaleigh menafikan perkara itu sambil memaklumkan ramai lagi mereka yang lebih layak menjawat jawatan itu.

BH-13/3/2016